

SIARAN MEDIA

JMKU SUNGAI PUYU: KUSKOP TAWAR DISKAUN SEHINGGA 30% UNTUK LEBIH 80 BARANGAN KEPERLUAN HARIAN

BUTTERWORTH, 3 MEI - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), melalui kerjasama strategik dengan Pejabat ADUN Sungai Puyu, telah berjaya melaksanakan lokasi kedua Program Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) 2026 bagi peringkat negeri Pulau Pinang.

Inisiatif ini merupakan langkah proaktif kementerian dalam membantu meringankan beban kewangan rakyat menerusi penawaran barangan keperluan asas pada harga yang jauh lebih rendah berbanding harga pasaran. JMKU berfungsi sebagai pemangkin ekonomi bagi usahawan kecil dan koperasi tempatan untuk memasarkan produk mereka secara terus kepada pelanggan.

Jualan kali ini menawarkan diskaun sehingga 20% kepada lebih 80 jenis barangan runcit dan basah terpilih. Bagi memberikan nilai tambah kepada pengunjung, jualan "Happy Hour" turut diadakan dari jam 11:00 pagi hingga 12:00 tengah hari dengan tawaran diskaun sehingga 30%.

Antara barangan keperluan utama yang menjadi tumpuan termasuk barangan kering seperti beras, sabun, minyak masak, gula, kicap, susu, sardin dan tepung gandum. Manakala, barangan basah segar menawarkan harga berikut:

JENIS BARANG BASAH	HARGA PASARAN	DISKAUN 20%	HAPPY HOUR 30%
AYAM	RM 15.00	RM 12.00	RM 10.00
DAGING TEMPATAN	RM 32-RM36	RM 27.00	RM 24.00
UDANG HARIMAU	RM 39.00	RM 31.20	RM 26.00
KETAM BUNGA	RM 32.00	RM 25.60	RM 20.00
IKAN TALAPIA MERAH	RM 16.00	RM 12.80	RM 11.50

Sesi tinjauan mesra dan gimik jualan *Happy Hour* telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong, bersama ADUN Sungai Puyu, YB Puan Phee Syn Tze. Kehadiran ini menunjukkan sokongan penuh kerajaan dalam memastikan rakyat mendapat manfaat langsung daripada program yang dijalankan.

Dalam majlis yang sama, YB Puan Phee Syn Tze juga telah menyampaikan Sijil Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) atau Lindung Kasih PERKESO. Beliau turut menaja sumbangan caruman sebanyak RM8000 untuk 70 orang suri rumah bagi DUN Sungai Puyu.

Selain itu, program kali ini menghimpunkan 11 kaunter perkhidmatan agensi kerajaan bagi memudahkan urusan rakyat dan usahawan di bawah satu bumbung. Antara agensi yang terlibat ialah:

- Khidmat Nasihat dan Pembiayaan: Bank Rakyat, SME Bank, TEKUN Nasional, dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).
- Kaunter Khidmat Pelanggan: Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Peing, PERKESO, KWSP, LHDN serta Jabatan Akauntan Negara (Wang Tak Dituntut).

JMKU merupakan manifestasi berterusan KUSKOP dalam memacu Ekonomi MADANI. Usaha ini terus diperkukuh melalui pendekatan ABCD iaitu Anjakan Produktiviti, Birokrasi Dipermudah, Capaian Modal dan Daya Akses Pasaran.

KUSKOP akan terus memastikan kesejahteraan rakyat dan kelestarian perniagaan tempatan bergerak seiringan dalam menghadapi landskap ekonomi global yang mencabar.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
3 MEI 2026